

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN
(KELANA JAYA)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) kerugian sebenar; dan

(b) kerugian kertas yang telah ditanggung oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam pelaburan-pelaburannya di dalam Felda Global Ventures (FGV) sejak Initial Public Offering (IPO) sehingga 1 April 2015.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di dalam sektor perladangan adalah 10.82% daripada jumlah keseluruhan pelaburan ekuiti domestik. Pelaburan dalam

sektor perladangan tertumpu kepada 14 saham syarikat yang berwajaran tinggi. Felda Global Venture Holding (FGHV) merupakan salah satu syarikat perladangan yang menepati kriteria pelaburan KWSP. Setakat 31 Mac 2015, KWSP mempunyai pegangan sebanyak 5.34% dengan jumlah pelaburan sebanyak RM792 juta di dalam syarikat FGVH.

Dengan kejatuhan harga mentah minyak kelapa sawit ketika ini, harga saham-saham di dalam sektor perladangan turut mengalami kejatuhan termasuk harga saham FGVH yang mengalami kemerosotan sebanyak 50% daripada harga saham ketika Initial Public Offering (IPO). Namun demikian, sehingga kini KWSP telah menerima keuntungan dividen sebanyak RM95.8 juta daripada FGVH.

Sebagai pelabur jangka panjang, KWSP dijangka mampu menempuhi kitaran rendah industri sawit masa kini memandangkan sektor perladangan merupakan sektor yang mempunyai kitaran industri mengikut turun naik harga pasaran minyak sawit mentah serta harga pasaran minyak alternatif komoditi yang lain. Seterusnya, KWSP dijangka akan mendapat manfaat jangka panjang sekiranya industri sawit melalui kitaran tinggi pada masa hadapan.

Oleh yang demikian, FGVH berada di dalam kedudukan yang strategik untuk mendapat manfaat sekiranya kitaran industri sawit kembali pulih di mana FGVH merupakan syarikat perladangan keempat terbesar di dunia dan kedua terbesar di Malaysia dengan jumlah keluasan ladang FGVH adalah sebanyak 412,249 hektar di mana 86% daripadanya (355,864 hektar) terletak di Malaysia. Di samping itu, FGVH juga merupakan pengeluar minyak kelapa sawit ketiga terbesar di dunia dan hasil pengeluaran kelapa sawit dijangka meningkat bagi tempoh 3 hingga 5 tahun akan datang.